



UMP, Teraju bantu B40 jana pendapatan menerusi pertanian

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) untuk membantu golongan B40 meningkatkan pendapatan menerusi aktiviti pertanian.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin menandatangani MoA itu mewakili UMP manakala Teraju diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Md Silmi Abd Rahman.

Turut hadir menyaksikan majlis MoA yang berlangsung di sini semalam ialah Ahli Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman.

UMP dalam kenyataan memaklumkan MoA itu melibatkan pelaksanaan Program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) yang membuka peluang kepada golongan tersebut menerusi penanaman seperti cili dan terung.

Abdul Aziz berkata, program tersebut membolehkan usahawan tani tempatan meningkatkan produktiviti pertanian menggunakan bantuan teknologi yang menggabungkan sistem Internet of Things (IoT) dan fertigasi.

“Ia melibatkan 45 peserta daripada golongan B40 di sekitar Kuantan, Pekan, Maran dan Temerloh. Mereka diberikan kelengkapan pertanian berupa sistem fertigasi pintar yang lebih cekap dan mesra pengguna berbanding sistem penanaman tradisional dan sistem fertigasi konvensional.

“Sistem fertigasi dalam projek ini dilengkapi dengan mekanisme automatik berpacuan IoT dengan pengawalan dan pengawasan sistem dijalankan sepenuhnya oleh sistem penggera yang dihantar terus ke aplikasi telefon pintar,” katanya.

Sementara itu, Md Silmi menjelaskan, projek pertanian itu bertujuan membantu mengurangkan kadar kemiskinan dengan memberikan pendapatan tambahan sekitar RM2,500 sebulan dalam masa lima tahun pelaksanaannya.

Agensi lain terlibat dalam projek ini ialah Pertubuhan Pengusaha Agro Malaysia (PPAM), Jabatan Pertanian Malaysia (MAFI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

-Bernama